

06/03/2000

MT dijangka bincang keputusan Umno Tawau

KUALA LUMPUR, Ahad - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok antara lain dijangka membincangkan tindakan Umno bahagian Tawau yang hanya mencalonkan dua nama bagi tiga jawatan Naib Presiden untuk pemilihan Mei ini.

Mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu akan memutuskan sama ada pencalonan itu memenuhi syarat atau tidak.

Ibu Pejabat Umno dikatakan mengkaji kesahihan pencalonan itu kerana perlembagaan parti memperuntukkan tiga jawatan bagi Naib Presiden.

Jika pencalonan itu didapati tidak sah kerana tidak memenuhi kehendak MT supaya menamakan tiga calon, Umno Tawau mungkin diminta membuat pencalonan baru.

(END)